

15/05/2003

Perpaduan kaum benteng tangkis hasutan: Dr Mahathir

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, sebarang cubaan hasutan untuk menguasai negara ini akan dapat dipatahkan jika rakyat pelbagai kaum terus menegakkan benteng keharmonian dan perpaduan sesama mereka.

Perdana Menteri berkata, dalam keadaan dunia tidak menentu sekarang, dengan yang kuat dan kaya mempunyai kuasa mutlak untuk menindas yang lemah dan miskin, rakyat Malaysia amat bertuah kerana masih dapat mengekalkan kedaulatan dan kebebasan.

"Ini dapat kita lakukan jika kita terus mengamalkan perpaduan yang erat di antara kita rakyat pelbagai kaum dan agama. Kita mempunyai sikap toleransi yang tinggi. Kita saling menghormati antara satu sama lain.

"Kita mesti mengekalkan keharmonian dan perpaduan kaum ini kerana ini saja yang akan menyelamatkan kita daripada cubaan menghasut untuk menguasai negara kita," katanya dalam perutusan sempena Hari Wesak hari ini.

Dr Mahathir menasihatkan semua rakyat Malaysia supaya menggunakan peluang sempena perayaan Hari Wesak untuk mengeratkan tali persaudaraan dengan saling mengunjungi.

"Teruskanlah amalan menjemput rakan-rakan kita daripada kaum yang lain untuk menghadiri rumah terbuka. Ini akan memberi peluang kepada kita untuk mengenali rakan-rakan kita dengan lebih dekat lagi.

"Bersyukur kita kerana pada tahun ini, seperti tahun-tahun sebelumnya, kita rakyat Malaysia secara berterusan dapat menyambut Hari Wesak dengan meriah dan penuh keceriaan serta kemewahan.

"Saya dan isteri mengucapkan selamat menyambut Hari Wesak kepada semua rakyat Malaysia, terutama yang menganut agama Buddha," katanya.

Hari Wesak disambut sebagai memperingati hari kelahiran Gautama Budha, pengasas agama Buddha.

Sementara itu, polis menutup 20 jalan di ibu negara bagi membolehkan satu perarakan disertai kira-kira 7,000 penganut Buddha hari ini, yang bermula dan berakhir di Kuil Buddhist Vihara, Jalan Berhala, Brickfields mulai 7 malam.

Jalan terbabit ialah Jalan Berhala, Jalan Sultan Abdul Samad, Jalan Tun Sambanthan, Jalan Tun Sambanthan 4, Jalan Thambipillay, Jalan Scott, Jalan Travers, Jalan Mahameru, Jalan Sultan Sulaiman, Jalan Hishamuddin, Bulatan Hishamuddin, Jalan Kinabalu, Lebuhraya Pasar Besar, Jalan Raja, Jalan Gereja, Bulatan Datuk Onn, Jalan Tun Perak, Jalan Raja Laut, Jalan Sultan Ismail dan Jalan Tuanku Abdul Rahman.

Ketua Polis Trafik Kuala Lumpur, Superintendan Ahmad Shamsuri Ahmad Mukri, berkata polis akan menggunakan sistem tutup dan buka, iaitu menutup jalan terbabit dan akan membukanya sebaik saja perarakan itu melalui jalan iyu.

Beliau menasihatkan penganut Buddha yang ingin menyertai sambutan agar meletakkan kenderaan mereka di Jalan Berhala dan Jalan Sultan Abdul Samad.